




---

**PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN  
KEBANGSAAN  
ATAU NATIONAL PROFESSIONAL QUALIFICATION FOR EDUCATIONAL  
LEADERS (NPQEL)**

---

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

**Syarat Umum**

- (a) Telah **disahkan dalam perkhidmatan**;
- (b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan, iaitu **sekurang-kurangnya 85%** berdasarkan wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) **tiga (3) tahun terakhir**;
- (c) **Bebas daripada tindakan tatatertib**;
- (d) Telah **mengisytiharkan harta** dalam tempoh **tidak melebihi lima (5) tahun**;
- (e) **Bebas daripada senarai Peminjam Tegar** Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (f) **Diperakukan** oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**Syarat Khusus**

- (a) Bagi calon **Pengetua**:
  - Telah dinaikkan pangkat ke Gred DG48 bagi urusan penempatan pemangkuan; atau
  - telah dinaikkan pangkat ke Gred DG52/ DG54(KUP) bagi urusan penempatan setara/ hakiki.
- (b) Bagi calon **Guru Besar**:
  - Telah dinaikkan pangkat ke Gred DG32/ DG34 atau sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Gred DG29 bagi Calon Guru Besar SKM (B) untuk urusan penempatan pemangkuan; atau
  - telah dinaikkan pangkat ke Gred DG32/ DG34/ DG38/ DG41(Ex-PPPLD)/ DG42/ DG44/ DG48(KUP) bagi urusan penempatan setara/ hakiki.
- (c) Mempunyai pengkhususan dalam bidang tertentu:
  - Pengetua: Bidang Umum/Teknikal/Pendidikan Islam;
  - Guru Besar: Bidang Umum/Cina/Tamil;
- (d) Mempunyai **pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun** berkhidmat sebagai Guru Kanan Mata Pelajaran (Ketua Bidang)/ Penolong Kanan (termasuk Penolong Kanan yang dilantik secara pentadbiran di SKM(B)/ jawatan-jawatan pentadbiran di PPD/ JPN/ Bahagian/ Institut Aminuddin Baki/ Institut Pendidikan Guru/ Kolej Matrikulasi;
- (e) Mempunyai **baki tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun** sebelum bersara bagi penempatan ke jawatan PGB (tertakluk kepada tarikh kekosongan); dan
- (f) **Melepassi tahap kesihatan yang memuaskan** (Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2013).

---

*Rujukan:*

- i. *Panduan Pemilihan dan Penempatan Pengetua dan Guru Besar di Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM, 28 Jun 2018*
- ii. *Sumber BPSM bertarikh 9 April 2021*